

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL



Kerja penyembur nyah kuman dijalankan di sebuah kelas SJKC Bahau.

(Foto ihsan PKD Jempol)

Hanya 2 kes disyaki kencing tikus dikaitkan Air Terjun Menderu

Kuala Lumpur: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mengesahkan hanya dua kes disyaki jangkitan Leptospirosis atau kencing tikus yang dilaporkan berkaitan dengan pengunjung Air Terjun Menderu di Kemaman pada tahun ini dan bukan 16 kes seperti tular di media sosial.

Pengarahnya, Datuk Dr Kasemani Embong, berkata pihaknya menerima notifikasi bagi kes pertama disyaki Leptospirosis pada 27 Mei lalu, namun ujian pengesahan yang dijalankan adalah negatif.

"Notifikasi kes kedua pula diterima pada 20 Jun lepas. Sampel darah kes untuk ujian pengesahan telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam (MKA) Perol, Kelantan dan masih menunggu keputusan," katanya dalam kenyataan semalam, sambil memaklumkan tiada kes kencing tikus yang dilaporkan berkaitan

dengan kawasan rekreasi itu pada 2023.

Beliau berkata, JKNT akan terus memantau perkembangan terkini kejadian jangkitan serta meningkatkan kesiapsiagaan dalam melaksanakan tindakan pencegahan dan kawalan dengan kerjasama semua agensi berkaitan.

Orang ramai dinasihatkan mengambil langkah pencegahan ketika melakukan aktiviti di kawasan rekreasi untuk mengelakkan jangkitan.

"Ini termasuk memastikan kebersihan persekitaran ketika melakukan aktiviti rekreasi, tidak meminum air dari sungai dan memilih makanan serta minuman dari sumber yang bersih. Orang ramai juga perlu segera mendapatkan rawatan di kemudahan kesihatan berhampiran sekiranya bergejala selepas mengunjungi mana-mana pusat rekreasi," katanya. BERNAMA

SJKC Bahau ditutup hingga esok kes jangkitan HFMD

12 murid dikesan hidap penyakit tangan, kaki dan mulut

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Jempol: Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bahau ditutup sehingga Isnin ini berikutan penularan wabak penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, Datuk Dr Roslan Hu-

ssin, berkata pada Khamis lalu seramai lapan murid dijangkiti penyakit itu sebelum tiga kelas ditutup.

"Semalam (kelmarin), empat lagi murid dijangkiti sebelum 17 kelas ditutup. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Jempol kemudian mengarahkan sekolah berkenaan ditutup sehingga Isnin ini," katanya.

Roslan berkata, penutupan sekolah berkenaan bagi membolehkan kerja mencegah penyakit berjangkit itu dijalankan.

Ibu bapa diminta awasi anak

Katanya, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan akan memantau perkembangan HFMD di sekolah berkenaan dari semasa

ke semasa.

"Setakat ini hanya sekolah yang mempunyai 419 murid itu sahaja ditutup sementara di daerah ini berikutan HFMD.

"Saya mohon semua ibu bapa yang terbabit supaya sentiasa beri perhatian kepada kesihatan anak, sentiasa mengawasi mereka dan mengambil nasihat daripada pihak kesihatan," katanya.

Jumaat lalu, satu notis penutupan sekolah dikeluarkan PKD Jempol bagi menjalankan kerja mencegah bermulanya atau merebaknya sesuatu penyakit berjangkit.

Arahan itu selaras dengan kuasa di bawah Subseksyen 18(1)(f) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Kawasan rekreasi Air Terjun Menderu, Kemaman yang tular terdapat dakwaan berlaku jangkitan kencing tikus.



AKHBAR : KOSMO AHAD!
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

SJKC Bahau ditutup empat hari, 12 murid dijangkiti HFMD

JEMPOL – Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bahau, di sini, diarah tutup sementara selepas 12 murid dijangkiti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Datuk Dr Roslan Hussin berkata, sekolah berkenaan ditutup selama empat hari sehingga Isnin ini untuk membolehkan kerja pembersihan dijalankan bagi memastikan murid lain tidak dijangkiti HFMD.

“Secara keseluruhannya, terdapat 419 murid di sekolah berkenaan dan lapan murid dikesan dijangkiti HFMD pada Khamis (kelmarin) membabitkan penutupan tiga buah kelas.

“Semalam, empat lagi murid dijangkiti dan tindakan lanjut menutup kesemua 17 buah kelas bagi kerja-kerja pembersihan,” katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, Roslan menasihati semua ibu bapa untuk sentiasa memberi perhatian

kepada kesihatan anak masing-masing dengan mengenal pasti simptom-simptom awal HFMD selain memastikan anak sembuh sebelum dihantar ke sekolah.

HFMD merupakan penyakit disebabkan oleh virus dan gejala penyakit ini adalah demam, ruam (maculopapular dan vesicles) di tapak tangan, kaki dan ulser di mulut dan lidah, serta gejala dan tanda-tanda jangkitan saluran pernafasan atas (URTI).



AKHBAR : KOSMO AHAD!
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA!

Exco terkejut tengok restoran dalam keadaan kotor, premis diarah tutup serta-merta

'Rasa nak muntah bila tengok dapur'



SIVANESAN (tengah) melakukan pemeriksaan di ruangan dapur sebuah restoran 24 jam di Ipoh, Perak kelmarin.

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH – Pemeriksaan di sebuah restoran 24 jam di Station 18 di sini bukan sahaja mengejutkan pihak berkuasa, malah turut mendapat respon keras daripada Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri yang menyifatkan premis makanan itu sebagai kotor dan menjijikkan.

Menurut A. Sivanesan, dia sendiri rasa kecewa dengan tahap kebersihan di restoran itu terutama ketika memasuki ruangan dapur.

"Saya rasa mahu muntah bila masuk ke ruangan dapur restoran itu. Jika dibuat penilaian, saya akan beri markah kosong untuk kebersihan dan bau.

"Adalah sangat menyedihkan apabila ramai pelanggan yang datang tidak tahu keadaan di belakang ini. Keadaannya teruk dan meloyakan," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas Operasi Khas Penguat-

kuasa Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak kelmarin.

Hasil operasi yang bermula pukul 9.30 malam, pihak berkuasa mendapati bahagian dapur di restoran itu dikategorikan sebagai kotor dan berbau selain terdapat kesan najis lipas.

Malah, barangan masakan seperti mi segera, bawang, kentang dan tepung juga dibiarkan terbuka dan ditempatkan di laluan tangga kediaman pekerja.

Susulan itu, JKN Perak mengarahkan untuk restoran berkenaan ditutup serta-merta selama 14 hari di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

"Dalam tempoh penutupan itu, pemilik restoran dikehendaki melakukan kerja pembersihan sehingga menepati piawian yang ditetapkan," tambah Sivanesan.

Operasi bersepadu dijalankan bersama Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan polis itu turut disertai Timbalan Pengarah Kesihatan

Negeri, Dr Noor Rizawati Mahpot dan Pengarah JTK Perak, Muhammad Fauzi Abd. Ghani.

Sivanesan berkata, operasi dijalankan serentak di seluruh negeri itu bertujuan menambah baik isu kebersihan restoran-restoran terutama yang beroperasi sebelah malam dan 24 jam.

Katanya, sebanyak 359 premis diperiksa dengan 316 notis kesalahan dikeluarkan kepada pengendali makanan kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009 dengan nilai kompaun RM44,200.

"Di bawah aktiviti penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PP-KHT) 2004, sebanyak 81 notis kesalahan dikeluarkan dengan anggaran nilai kompaun RM20,150.

"Operasi hari ini juga turut menjalankan aktiviti penampelan makanan dan swab ke atas lima pengendali makanan," katanya.

Dakwaan 16 kes kencing tikus di Air Terjun Menderu palsu

KUALA TERENGGANU – Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) menafikan dakwaan kononnya terdapat 16 kes jangkitan leptospirosis (kencing tikus) yang dikaitkan dengan aktiviti perkelahan di Air Terjun Menderu, Kemaman.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasamani Embong berkata, setakat ini, hanya dua kes sahaja disyaki leptospirosis dikesan mempunyai sejarah mengunjungi Air Terjun Menderu pada bulan lalu dan Khamis lalu.

Beliau menjelaskan salah satu daripada kes tersebut sudah di-sahkan negatif sementara satu lagi masih dalam siasatan.

“

Notifikasi bagi kes pertama disyaki leptospirosis diterima pada 27 Mei lalu adalah negatif.”

“Notifikasi bagi kes pertama disyaki leptospirosis diterima pada 27 Mei lalu adalah negatif.

“Kes kedua pula diterima pada 20 Jun lalu dan setakat ini, kita sedang menunggu keputusan ujian sampel yang sudah dihantar Makmal Kesihatan Awam (MKA) Perol, Kelantan,” katanya di sini hari ini.

Sebelum ini, tular dakwaan di media sosial kononnya terdapat 16 kes leptospirosis dikesan di Air Terjun Menderu yang merupakan antara lokasi perkelahan terkenal di Kemaman.

Kasamani berkata, JKNT akan terus memantau perkembangan terkini jangkitan leptospirosis berkenaan dan meningkatkan kesiapsiagaan bagi tindakan pencegahan dan kawalan.

Beliau juga menasihatkan orang ramai agar mengambil langkah-langkah pencegahan sewaktu beriadah di kawasan perkelahan negeri ini bagi mengelakkan jangkitan penyakit leptospirosis.



JKNT sahkan hanya ada dua kes berkaitan kencing tikus yang dilaporkan selepas pengunjung mengunjungi Air Terjun Menderu di Kemaman.

AKHBAR : KOSMO AHAD!
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : PANORAMA (WAWANCARA)

Vaksin Qdenga 'senjata' baharu perangi denggi

BERDASARKAN Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi Kebangsaan (2022-2026), Malaysia menetapkan sasaran penurunan bilangan kes demam denggi tahunan sebanyak 5 peratus pada setiap tahun.

Pelbagai usaha telah dilakukan seperti semburan kabus (*fogging*), penggunaan nyamuk Wolbachia serta kempen kesedaran awam bagi memastikan sasaran tercapai. Terbaharu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan pendaftaran bersyarat kepada produk vaksin denggi iaitu Qdenga.

Namun, pelbagai persoalan timbul berkenaan vaksin berkenaan sehingga ada yang menyamakannya dengan vaksin Covid-19.

Bagi memahami lebih mendalam berkenaan isu ini, wartawan *Kosmo! Ahad*, **SITI SARAH NURUL LIYANA** menemu bual **Pengerusi Dengue Prevention Advocacy Malaysia (DPAM), Prof. Datuk Dr. Zulkifli Ismail** baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Pertama sekali, boleh Dr. ulas kes demam denggi secara keseluruhan dan bagaimana ia boleh merebak dalam kalangan masyarakat di negara ini?

DR. ZULKIFLI ISMAIL: Denggi merupakan penyakit yang memerlukan nyamuk aedes aegypti atau albopictus untuk merebak. Virus denggi ini ada empat serotip yang berbeza di antara negara dan masa. Pada masa ini, serotip DenV2 merupakan serotip dominan. Pada 2022, DenV4 yang paling dominan dan pada tahun 2023 (campuran DenV2 dan 4). Perbezaan serotip ini menyebabkan penyakit denggi sekunder lebih tenat berbanding denggi primer.

Denggi merebak kerana ada ramai menghidap penyakit tanpa gejala (asimptomatik) yang boleh digigit oleh nyamuk aedes.

Virus merebak daripada seorang kepada orang lain kerana terdapat tempat pembiakan nyamuk di persekitaran, orang ramai kurang menghiraukan penjagaan kebersihan persekitaran dan pembinaan bangunan tidak mengambil kira tempat-tempat air bertakung.

Selain itu, kegunaan *insect repellent* masih belum diterima oleh khalayak ramai khususnya kanak-kanak.

Kita dapati kebanyakan kes denggi ini berlaku di kawasan bandar terutamanya di Selangor dan Kuala Lumpur. Boleh Dr. beritahu puncanya?

Nyamuk aedes yang

DR. ZULKIFLI memaklumkan, sukar untuk mengurangkan kes denggi di negara ini.



VAKSIN Qdenga boleh diperolehi di klinik dan hospital terpilih di seluruh negara. — GAMBAR HIASAN

merupakan vektor pembawa virus denggi membiak di takungan air dan kebanyakannya di kawasan perbandaran serta tapak binaan bangunan.

Di kawasan bandar, pembinaan berleluasa dan tempat-tempat ini terdapat banyak air bertakung. Nyamuk ini tidak boleh membiak di tepi atau dalam sungai.

Sekiranya seseorang itu kena demam denggi, apakah kesan yang akan dialami oleh pesakit. Adakah ia boleh membawa kepada maut sekiranya tidak dirawat?

Jika dijangkiti denggi, seseorang itu akan mengalami demam, ruam, sakit otot dan tulang yang teruk, kurang selera makan, sekali gus membawa kepada kekurangan cecair dalam badan (dehidrasi).

Selain itu, denggi boleh menyebabkan platelet menjadi rendah, selain boleh menyebabkan pendarahan dan kejutan, jika tidak diberi rawatan tepat.

Jika keseimbangan cecair dalam badan pesakit hilang, maka pesakit boleh menjadi lebih tenat.

Setiap kali ada individu kena demam denggi, kawasan berkenaan akan disembur asap (*fogging*) untuk mematikan nyamuk. Adakah langkah

Di Malaysia, KKM boleh mengesahkan bahawa nyamuk Wolbachia ini telah dilepaskan di 35 kawasan. Keputusan terkini menunjukkan bahawa kes denggi berkurangan di tempat yang memiliki populasi nyamuk Wolbachia ini."

AKHBAR : KOSMO AHAD!
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : PANORAMA (WAWANCARA)

ini berkesan bagi membendung penyakit ini?

Semburan asap pembunuh serangga merupakan salah satu aktiviti yang dilakukan untuk membendung nyamuk yang membawa virus denggi.

Sebenarnya, keberkesanan aktiviti ini tidak dapat dipastikan.

Sebaliknya, banyak serangga lain yang terbunuh disebabkan bahan dalam semburan tersebut.

Salah satu langkah yang diambil oleh pihak berkuasa adalah melepaskan nyamuk aedes Wolbachia. Bagaimanakah nyamuk ini berfungsi membendung penularan denggi? Boleh Dr. terangkan?

Wolbachia ialah sejenis bakteria yang boleh mengurangkan pembiakan nyamuk aedes aegypti.

Nyamuk-nyamuk yang disuntik dengan bakteria Wolbachia akan dilepaskan ke kawasan-kawasan telah dipilih. Apabila nyamuk Wolbachia ini mengeluarkan telur, ia tidak akan menetas jadi pupa dan larva.

Dengan beribu-ribu nyamuk Wolbachia ini dilepaskan, maka akan berkurang nyamuk yang membawa virus denggi.

Seperti dilaporkan sebelum ini, strategi berkenaan berkesan mengurangkan kes denggi dan kemasukan ke hospital disebabkan denggi di Yogyakarta, Indonesia dan Singapura.


Di Malaysia, KKM boleh mengesahkan bahawa nyamuk Wolbachia ini telah dilepaskan di 35 kawasan. Keputusan terkini menunjukkan bahawa kes denggi berkurang di tempat yang memiliki populasi nyamuk Wolbachia ini.

Strategi ini memakan perbelanjaan tinggi. Sebenarnya, kos menyuntik nyamuk aedes dengan bakteria Wolbachia ini memerlukan proses pengasingan jantina nyamuk.

Proses ini memerlukan alat-alat khas, kepakaran dan kemahiran tinggi.

Kerjasama masyarakat di mana nyamuk-nyamuk ini dilepaskan juga penting supaya mereka tahu.

Ini bagi memastikan mereka tidak membunuh pula nyamuk yang sepatutnya menolong kita mengurangkan populasi aedes.



NYAMUK Wolbachia merupakan salah satu cara berkesan melawan denggi.

DR. ZULKIFLI berharap semua pihak dapat memainkan peranan dalam melawan denggi.



Seperti Dr. beritahu sebelum ini, kita selalu menasaskan pengurangan 5 peratus kes denggi pada setiap tahun. Tapi tidak berjaya, sebaliknya kes semakin meningkat. Apakah sebab utama usaha ini tidak berjaya?

Ada banyak sebab kita tak boleh mengurangkan kes denggi. Salah satunya kerana kita tidak boleh kawal penyebaran penyakit ini melalui nyamuk betina.

Kita perlu kawal pembiakan nyamuk, tapi ia memerlukan kesedaran dan kerjasama semua pihak dalam masyarakat dan pendidikan harus diberikan sejak di bangku sekolah lagi.

Apa yang kita boleh kawal ketika ini adalah kadar kematian dan kemasukan dalam hospital. Caranya adalah dengan mengajar orang ramai supaya mendapatkan rawatan awal dan meminta ujian darah jika demam.

Usaha lain adalah dengan mengajar doktor dan pekerja kesihatan cara memantau kes denggi dengan betul, merawat secara tepat dan memulakan intervensi berpatutan mengikut ketetapan penyakit. Rawatan pesakit denggi yang tenat memerlukan kegunaan infusi intravena cecair yang tepat.

Baru-baru, orang ramai sudah boleh mengambil vaksin khas denggi iaitu Qdenga selepas ia diluluskan oleh pihak berkuasa. Siapakah golongan yang perlu mengambil vaksin ini? Bagaimana pula vaksin ini berfungsi dan

adakah ia mampu mengelak jangkitan denggi?

Vaksin ini boleh diberi kepada semua individu yang berusia empat tahun ke atas.

Vaksin ini tidak patut diberikan kepada ibu mengandung, ibu menyusui bayi serta mereka yang diberi kemoterapi untuk kanser dan diberi ubat steroid.

Ini kerana sistem imun mereka lemah. Untuk makluman, Qdenga adalah sejenis vaksin virus hidup yang dilemahkan (*live attenuated vaccine*).

Vaksin Qdenga ini boleh didapati di klinik dan hospital swasta di seluruh negara. Kami akan senaraikan klinik-klinik dan hospital-hospital yang membekalkan vaksin ini di laman web DPAM (Dengue Prevention Advocacy Malaysia).

Efikasi vaksin ini ialah 80.2 peratus mencegah penyakit denggi bergejala dan 90.4 peratus kemasukan dalam hospital setelah 18 bulan lepas suntikan.

Data jangka panjang efikasi vaksin terhadap kemasukan dalam hospital adalah 84.1 peratus, dan bagi penyakit denggi bergejala (*symptomatic dengue*) adalah 61.2 peratus.

Ini bermakna, vaksin berkenaan efektif mencegah penyakit denggi bergejala dan kemasukan ke hospital disebabkan denggi yang teruk.

Pada pendapat Dr., perlukah kerajaan mewajibkan pengambilan vaksin denggi ini kepada semua kanak-kanak di Malaysia dan memasukkannya dalam senarai vaksin wajib?

Saya tidak fikir kerajaan patut mewajibkan vaksin denggi pada masa ini, walaupun ada banyak kelebihannya.

Kita juga perlu pertimbangkan hak pilihan individu untuk mendapat perlindungan daripada virus denggi atau terbuka kepada jangkitan teruk.

Pada masa ini, cukup ia ditawarkan di fasiliti swasta seperti vaksin-vaksin yang lain.

Ada juga pihak yang bimbang untuk mengambil vaksin Qdenga kerana takut kesan sampingannya. Bagaimanakah, Dr. melihat perkara ini?

Kita perlu faham berkenaan vaksin-vaksin yang berlainan. Vaksin yang ditakuti masyarakat masa ini ialah vaksin mRNA.

Vaksin Qdenga ini adalah vaksin virus hidup yang dilemahkan seperti vaksin campak dan vaksin cacar air yang telah digunakan selama berdekad.

Dalam kajian selama empat setengah tahun, kesan sampingan yang berlaku hanya berkaitan tempat suntikan dan demam atau lenguh-lenguh badan serta kaki.

Orang ramai tidak perlu takut dengan vaksin ini kerana dalam masa empat setengah tahun, tiada tanda-tanda yang menunjukkan kesan sampingan serius telah berlaku.

E K S T R A

PROF. DATUK DR.
ZULKIFLI ISMAIL

- Pengerusi, Dengue Prevention Advocacy Malaysia (DPAM)
- Pengerusi, Asia Dengue Action Voice & Centre group (ADVA)
- Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal, Program Immunise4Life
- Pengerusi, Positive Teens programme
- Pengerusi, Healthy Little Bloomers programme
- Setiausaha Agong, Asia Pacific Pediatric Association (APPA)
- Ahli Jawatankuasa, Persatuan Pediatrik Malaysia (MPA)

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Oleh **SURAI DAH ROSLAN**
utusannews@mediamula.com.my

BERADA di kawasan tidak boleh diakses menerusi pengangkutan darat dan air menyebabkan perkampungan yang jauh di pedalaman masih bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan doktor udara (FDS).

Petugas kesihatan lima hingga enam orang akan dihantar menaiki helikopter ke lokasi yang penduduknya tiada akses untuk ke fasiliti kesihatan. Khidmat doktor udara itu akan mendarat di satu kawasan strategik di kampung-kampung tersebut dan akan menerima 'pelanggan' membabitkan pesakit luar dan pesakit tidak berjangkit seperti penyakit darah tinggi atau kencing manis termasuklah pemeriksaan terhadap ibu-ibu mengandung.

Namun, sekiranya mereka perlu mendapatkan rawatan pakar berpunca penyakit kronik maka penduduk berkenaan tiada pilihan terpaksa menempuh perjalanan sehari-hari untuk tiba di hospital yang mempunyai khidmat pakar.

Itulah situasi biasa dan masih dilalui penduduk Kampung Kabu di Pensiangan, Sabah yang biasanya mengambil masa empat atau lima hari perjalanan untuk sampai ke Hospital Queen Elizabeth (HQE), Kota Kinabalu.

Seorang Pembantu Perubatan FDS, Milford, 30, berkata, dalam tempoh enam tahun berkhidmat bersama FDS, kisah seorang pesakit yang mengidap penyakit kulit kronik atau psoriasis dari Kampung Kabu paling menyentuh hatinya.

"Pesakit itu ditemui sekitar tahun 2020 dan menerusi pengalaman dan air mukanya yang seperti 'mengemis' untuk sembuh telah memberi kesedaran kepada saya. Dia (pesakit) betul-betul berikhtiar untuk keluar dari kampung dan mendapat rawatan di HQE.

"Justeru, walaupun terpaksa menempuh perjalanan lima hari, berliku dan bahaya namun berkat semangat kuatnya dia sampai ke Kota Kinabalu. Dalam tempoh perjalanan dia menaiki bot dari kampung tersebut dan terpaksa bermalam di Kampung Lumbis di sempadan Sabah-Kalimantan, Indonesia sebelum meneruskan perjalanan ke Pensiangan.

"Kemudian dari Pensiangan perlu menaiki kenderaan ke Keningau yang mengambil masa kira-kira enam jam perjalanan ke Pekan Keningau kerana keadaan jalan pada masa itu masih teruk," katanya.

Milford berkata, usaha yang diambil oleh pesakit tersebut membawa hasil yang positif apabila penyakit kulit yang dihidapi semakin baik dan terkawal. Namun, dia masih perlu mendapatkan rawatan susulan di HQE sekali dalam tempoh setahun.

TALIAN HAYAT RAKYAT PEDALAMAN



NUR Aishah Shahrudin (kiri) bersama petugas kesihatan FDS menaiki helikopter Akademi Penerbangan Layang-Layang untuk ke kawasan pedalaman bagi memberi rawatan kepada penduduk.

Kata beliau, kisah sebegini yang meninggalkan kesan mendalam terhadapnya sepanjang bertugas dalam pasukan FDS.

LOKALITI FDS DI SABAH

Dr. Nur Aishah Shahrudin, 32, pula berkata, ketika ini terda-

pat 12 lokasi atau kampung yang masih menerima perkhidmatan mereka di Sabah, berbanding 32 lokasi semasa awal 2000.

Sebanyak 12 lokasi yang masih menerima perkhidmatan doktor udara adalah Kampung Longkongan dan Kampung Kalangan di Penampang; Kam-

pung Panulungan, Ranau; Kampung Kabu, Kampung Saliran, Kampung Karampalon dan Kampung Pengaraan di Pensiangan; Kampung Pohon Batu, Kampung Binanon, Kampung Nangkawangan di Nabawan serta Kampung Sonsogon Makatol dan Kampung Mongis di Kota

“Semasa bertugas di Klinik Kesihatan Penampang sebelum ini, apabila kita bagi ubat dan nasihat, ada pesakit yang akan cadangkan benda lain berdasarkan apa yang diketahui melalui carian Google.”

DR. NUR AISHAH SHAHARUDDIN

Marudu.

Setiap kali FDS berkunjung ke lokaliti-lokaliti tersebut, mereka mengambil masa antara dua jam atau lebih bergantung kepada jumlah pesakit yang mahu mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

Secara purata, kira-kira 30 hingga 50 orang pesakit akan mendapatkan perkhidmatan kesihatan apabila FDS tiba di kampung-kampung tersebut.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI



SEBAHAGIAN penduduk yang menunggu giliran untuk mendapat rawatan doktor udara di sebuah kawasan pedalaman Sabah baru-baru ini.



MILFORD JASON

seperti kita bercakap dengan orang bandar sebab orang kampung masih berpegang teguh kepada kepercayaan kaum. Jadi, semasa memberi pendidikan kesihatan, kami akan cuba selarikan dengan kepercayaan kaum tersebut.

"Namun, nasihat mengenai pendidikan kesihatan itu haruslah betul. Cuma kita cuba selarikan dengan kepercayaan mereka," katanya.

Sheron berkata, tugasnya lebih kepada mendidik ibu-ibu mengenai tentang penjagaan kesihatan dan kandungan masing-masing.

Berdasarkan perkhidmatan yang diberi, kebanyakan wanita mengandung di luar bandar kekurangan darah merah disebabkan protein tidak mencukupi. Malah, mereka turut kekurangan zat besi atau iron.

Selain itu, mereka juga menasihatkan ibu-ibu mengandung supaya ke hospital lebih awal untuk bersalin bagi mengelakkan komplikasi yang boleh mengakibatkan kematian.

"Kami melihat ibu-ibu mengandung memang keluar lebih awal untuk bersalin di hospital dan mereka faham apa itu kelahi-



SHERON WILLIAM

ran selamat di fasiliti kesihatan. Biasanya mereka akan berada di bandar sehingga urusan surat lahir anak selesai," katanya.

Sheron berkata, biasanya di luar bandar ramai ibu-ibu muda dan paling muda pernah beliau temui berusia 16 tahun. Jadi, mereka sentiasa menasihatkan ibu-ibu muda agar menjarakkan kehamilan demi kesihatan dan keadaan ekonomi mereka.

TERKANDAS AKIBAT CUACA

Menurut Sheron, bertugas dalam pasukan FDS memerlukan mereka sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan termasuk bermalam di lokaliti yang dikunjungi apabila cuaca kurang baik.

"Sepanjang bertugas dalam pasukan FDS, saya pernah terkandas di Pensiangan dan Bongawan. Kami bermalam satu malam di kampung tersebut sebelum terbang semula keesokan harinya," katanya.

Sementara itu, Ketua Juruterbang Helikopter Kumpulan Layang-Layang, Nazeem Eleazar Nasip berkata, musim hujan memberi cabaran kepadanya untuk membawa pasukan FDS



DASMA YUN DULAJIS

ke kawasan pedalaman. "Adakala cuaca semasa perjalanan ke kampung baik tetapi ketika mahu pulang, cuaca mencabar. Kalau cuaca tidak mengizinkan, saya akan singgah ke kampung atau pekan berhampiran.

"Setakat ini, sudah tiga kali pasukan FDS terpaksa bermalam di Bongawan dan Keningau kerana cuaca tidak mengizinkan untuk kami meneruskan penerbangan pulang," katanya.

Nazeem berkata, helikopter yang digunakan adalah jenis Bell 206 long range dan mampu memuatkan lima hingga enam orang penumpang dengan kapasiti muatan kira-kira 450 kilogram.

Perkhidmatan FDS jarang perlu menghantar pesakit keluar tetapi sekiranya perlu, mereka hanya boleh membawa pesakit yang berbadan kurus kerana kekangan muatan helikopter.

Kongsinya, penerbangan paling lama adalah ke Kampung Bantul, Pensiangan yang mengambil masa satu jam 30 minit tetapi kalau cuaca tidak baik, boleh mengambil masa sampai empat jam perjalanan pergi dan balik.

Perkhidmatan yang FDS berikan biasanya perkhidmatan untuk pesakit luar, penyakit akut serta penyakit tidak berjangkit. Selain itu, khidmat FDS banyak melibatkan dengan penyakit berkaitan kebersihan seperti kudis buta dan penyakit panau.

PENERIMAAN MASYARAKAT

Nur Aishah berkata, apabila berhadapan dengan pesakit di kampung, mereka mudah menerima nasihat daripada doktor mahupun petugas kesihatan yang lain.

Namun, berbeza dengan pesakit di bandar, mereka lebih suka mempersoalkan semula apa yang dinasihatkan kerana terpengaruh dengan maklumat diperoleh daripada carian Google dan sebagainya.

"Semasa bertugas di Klinik Kesihatan Penampang sebelum ini, apabila kita bagi ubat dan nasihat, ada pesakit yang akan cadangkan benda lain berdasarkan apa yang diketahui melalui carian Google," katanya.

Bagi Jururawat Masyarakat, Dasmayun Dulajis, 50, berkata, semasa mula menyertai FDS pada 2013, beliau juga berpendapat pesakit di luar bandar menerima baik kunjungan mereka

kerana perkhidmatan yang telah bermula sejak 1970-an.

"Namun, sebagai orang baharu yang menyertai FDS ketika itu, saya berhadapan dengan kekangan bahasa, terutama apabila masuk ke kawasan Kadazandusun dan Murut (KDM). Sekarang, saya sudah boleh memahami apa yang orang kampung ingin sampaikan," katanya.

Sepanjang bertugas dalam pasukan FDS, beliau memang melihat wujud perbezaan antara pesakit di bandar dan di luar bandar. Bagi pesakit di luar bandar biasanya mereka menerima nasihat dengan baik dan tidak membantah.

Bagaimanapun, untuk pesakit di bandar yang banyak terdedah dengan pelbagai maklumat melalui carian Google maka, mereka mempunyai pendapat sendiri mengenai satu-satu penyakit yang dihadapi.

KEPERCAYAAN ORANG KAMPUNG

Jururawat Sheron William, 33, berkata, setelah empat tahun berada dalam pasukan FDS, beliau sedar bahawa pendidikan kesihatan harus selari dengan adat dan kepercayaan orang kampung.

"Kita tidak boleh beri nasihat



PETUGAS kesihatan membantu seorang penduduk yang menunggu untuk mendapat rawatan dengan doktor udara di sebuah kawasan pedalaman di Sabah baru-baru ini.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38
RUANGAN : DALAM NEGERI



KAWASAN rekreasi Air Terjun Menderu, Kemaman yang tular dengan dakwaan berlaku jangkitan kencing tikus.

JKNT nafi 16 kes kencing tikus di Air Terjun Menderu

KUALA TERENGGANU: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) menafikan dakwaan yang tular dalam media sosial kononnya terdapat 16 kes jangkitan Leptospirosis atau kencing tikus yang dikaitkan dengan aktiviti mandi-manda di kawasan rekreasi Air Terjun Menderu, Kemaman.

Pengarah JKNT, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, berdasarkan siasatan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kemaman, hanya dua kes sahaja yang disyaki Leptospirosis.

Menurutnya, dua kes itu dilaporkan mempunyai sejarah mengunjungi kawasan rekreasi Air Terjun Menderu, Kemaman pada Mei dan Jun tahun ini.

"Bagaimanapun, bagi tahun 2023, tiada sebarang kes Leptospirosis yang dilaporkan mempunyai kaitan dengan kawasan rekreasi Air Terjun Menderu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, tular dakwaan kononnya terdapat 16 kes Leptospirosis berlaku di Air

Terjun Menderu di Kemaman yang menimbulkan kebimbangan orang ramai kerana ia adalah lokasi perkelahan terkenal di daerah tersebut.

Mengulas lanjut, beliau berkata, notifikasi bagi kes pertama disyaki Leptospirosis diterima pada 27 Mei 2024 namun, ujian pengesahan Leptospirosis yang dijalankan adalah negatif.

"Seterusnya, notifikasi kes kedua diterima pada 20 Jun lalu dan sampel darah kes untuk ujian pengesahan telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam (MKA) Perol, Kelantan dan masih menunggu keputusan.

"Jabatan akan terus memantau perkembangan terkini kejadian jangkitan Leptospirosis serta meningkatkan kesiapsiagaan dalam melaksanakan tindakan pencegahan dan kawalan.

"Orang ramai dinasihatkan mengambil langkah pencegahan ketika melakukan aktiviti rekreasi untuk mengelakkan Leptospirosis," katanya.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NASIONAL

Restoran nasi kandar jijik diarah tutup

Dapur dibiarkan tidak bersih, berbau dan terdapat tanda najis lipas

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

Sebuah restoran nasi kandar 24 jam yang dikesan beroperasi dalam keadaan kotor dan menjijikkan diarah tutup selepas diperiksa dalam Operasi Khas Penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Perak di sekitar Station 18 di sini pada Jumaat.

Dalam pemeriksaan sekitar jam 9.30 malam itu mendapati dapur dibiarkan dalam keadaan tidak bersih, berbau dan terdapat tanda najis lipas.

Pemeriksaan dilakukan juga mengesan barangan masakan seperti mi segera, bawang, kentang dan tepung dibiarkan dalam keadaan terbuka dan hanya ditempatkan di laluan tangga kediaman pekerja.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi



Sivanesan meninjau keadaan bahagian mencuci pinggan sebuah premis makanan dalam operasi di ipoh pada Jumaat.



Keadaan kotor dengan kesan najis haiwan dan bau dikesan semasa pemeriksaan ke atas sebuah premis.

Nasional Perak, A Sivanesan berkata, arahan penutupan selama 14 hari itu dikeluarkan mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

"Kalau boleh diberi penilaian mengenai tahap kebersihan premis ini, saya akan beri markah kosong.

"Keadaannya sangat teruk sehingga boleh membuatkan kita rasa loya dan

hampir muntah," katanya.

Dalam pada itu, petugas media yang mengikuti pemeriksaan di empat restoran makanan dimaklumkan penempatan pekerja di semua premis berkenaan tidak mendapat perakuan penginapan daripada Jabatan Tenaga Kerja.

Mengulas perkara itu, Sivanesan berkata, pemeriksaan lanjut mendapati pihak

majikan melakukan pelbagai pelanggaran Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) serta Akta Kerja 1955.

Kesalahan itu termasuklah tiada kontrak kerja, tiada penyata gaji, gagal melaporkan penggajian pekerja asing dan bayaran kerja lebih masa yang tidak mengikut akta ditetapkan.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NASIONAL

Miliki darah jenis O satu rahmat

Pekerja hotel bangga bantu penuhi bekalan semasa Covid-19

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

Seorang pekerja hotel menganggap memiliki darah jenis jarang jumpa sebagai satu rahmat dalam membantu keperluan pesakit dan individu yang memerlukan.

Nazran Mohd Nawawi, 47, yang menjadi penderma darah sejak berusia 18 tahun berkata, lebih menggembirakan apabila bekalan darah itu diperlukan dalam waktu-waktu kesukaran seperti ketika negara berdepan pandemik Covid-19.

Menurut bapa seorang anak yang memiliki darah jenis O itu, dalam tempoh pandemik Covid-19, dia menerima beberapa kali panggilan dari Pusat Darah Negara yang memerlukan bekalan darah bagi rawatan kecemasan.

"Tak silap saya lebih daripada 10 kali saya menderma darah kerana situasi ketika itu negara kekurangan platelet untuk digihkan ke hospital-hospital.

"Saya bangga dapat lakukan sebagai satu tanggungjawab serta kebersamaan sebagai rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita semasa Majlis Apresiasi Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024 di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Sabtu.

Pada majlis tersebut, Nazran anak kelahiran Kuala Lipis, Pahang dan kini menetap di Puncak Alam, Selangor itu dipilih sebagai penerima Anugerah Penderma Darah Jenis Darah Jarang Jumpa.

Menurutnya, anugerah tersebut adalah yang pertama diterima selepas lebih 300 kali menderma darah termasuk sebagai penderma darah plasma atau aferesis tegar.

Katanya, darahnya dikategorikan jarang jumpa kerana platelet yang terkandung dalam darahnya sangat diperlukan bagi penghidap penyakit tertentu.

"Sekitar tiga tahun lalu, saya dimaklumkan oleh kakitangan perubatan makmal darah bahawa di Kuala Lumpur, hanya ada dua individu termasuk saya yang mempunyai darah sedemikian," katanya.

Sementara itu, Nurdin Isa, 43, yang menerima Anugerah Penderma Aferesis Terbanyak berkata, keinginan menderma darah timbul sejak usia 13 tahun lagi kerana tertarik dengan keistimewaan diperoleh sebagai penderma.

Bagaimanapun katanya, hasrat tersebut dipendam kerana kelayakan faktor usia yang tidak membenarkan waktu itu.

"Cukup sahaja usia 18 tahun, saya terus ke hospital untuk menderma darah dan berterusan sehinggalah sekarang.

"Saya harap generasi muda sekarang berani tampil sebagai penderma dan menyokong aktiviti pendermaan darah yang dijalankan.

"Bukan sahaja demi kesihatan diri tetapi aktiviti ini memberi banyak kelebihan terutama ketika menerima rawatan pesakit luar dan perubatan serta wad secara percuma di hospital



Nazran bersama sijil penghargaan sebagai penerima Anugerah Penderma Darah Jenis Darah Jarang Jumpa pada Majlis Sambutan Hari Penderma Darah Peringkat Kebangsaan di Ipoh, Perak pada Sabtu.

atau klinik kesihatan," katanya.

Tema sambutan Hari Penderma Darah Sedunia tahun ini adalah 'Meraikan sambutan ke-20 hari penderma darah sedunia: Terima kasih, penderma darah'.

Pada majlis tersebut, seramai 79 penderma darah dan 22 penganjur kempen derma darah

telah disenaraikan sebagai penerima anugerah.

Anugerah lain yang disampaikan ialah penderma darah terbanyak, penganjur kempen derma darah paling komited bagi setiap negeri serta kategori baharu iaitu anugerah khas penderma muda khusus bagi golongan belia.

AKHBAR : NEW SUNDAY TIME
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NEWS / NATION

FROM JANUARY TO MAY

31 PERAK EATERIES ORDERED TO CLOSE



Perak State Human Resources, Health, National Integration and Indian Community Affairs Committee chairman A. Sivanesan inspecting a dirty sink at an eatery in Ipoh on Friday. BERNAMA PIC

More than 5,000 food premises inspected this year

IPOH

THIRTY-ONE eateries in Perak have been ordered to close for violating the Food Act 1983, following operations conducted by the state Health Department between January and May this year.

State Human Resources, Health, National Integration and Indian Community Affairs Committee chairman A. Sivanesan

said that 1,330 notices for RM244,176 had been issued to food stall owners and operators for offences under the Food Hygiene Regulations 2009.

During this period, 5,443 food premises were inspected, and various offences were discovered, such as failure to comply with general duties of premises owners, cleanliness standards, hygiene of food handlers, and non-compliance with attire regulations, such as aprons and

head coverings.

"Under the Control of Tobacco Product Regulations 2004, a total of 3,809 notices were issued, with a compound value of RM930,650, with 1,730 of these notices related to Regulation 11(1)(d) for smoking at eateries," he said during a press conference last night.

Earlier, he participated in operations known as the "Clean and Healthy Perak Operation" and "Clean Food Premises Operation" in Ipoh, which were also conducted across the state.

He said food operators should prioritise hygiene and food safety when preparing meals, particularly in 24-hour eateries. **Berna-**

ma